

KONSEP ASAS TAYSIR DALAM MENANGANI ISU FIQH MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI

Paiz Hassan^{a*}, Mohd Anuar Ramli^b, Muhammad Yusri Yusof^a, Mohd Zahirwan Halim
Zainal Abidin^a, Muhd Imran Razak^a, Abd Munir Mohamed Noh^c & Hamdi Rahman
Mohd Yaacob^a

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri
Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. paiz4186@uitm.edu.my

^bJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.

^cAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400
Tapah Road, Perak, Malaysia. abdmu409@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
30/08/2023
Accepted:
01/09/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:
Orang asli;
Taysir;
Hukum Islam

DOI:
[10.24191/JIPSF/v5n22023_154-162](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_154-162)

Abstrak

Masyarakat Orang Asli merupakan komuniti minoriti yang unik dengan kepelbagaian budaya, adat dan kepercayaan. Kedatangan Islam tidak banyak mengubah corak kehidupan mereka. Amalan keagamaan dalam kalangan mereka berada pada tahap minima, terutama apabila dibandingkan dengan komuniti muallaf daripada etnik yang lain. Pendekatan fiqh yang diketengahkan kepada mereka dilihat sebagai menyumbang kepada permasalahan tersebut. Ini kerana terdapat pendekatan yang tidak sesuai dengan realiti dan latar belakang kebudayaan mereka. Justeru itu kajian ini dilakukan bagi melihat konsep asas taysir yang boleh digunakan bagi menangani isu fiqh masyarakat Islam Orang Asli di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan melakukan tinjauan terhadap analisis dokumentasi yang terdiri daripada kitab turath, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan sebagainya. Dapatan kajian mendapati pendekatan taysir sangat mementingkan kemudahan, kesederhanaan dan kefleksibelan dalam berinteraksi dengan sesuatu permasalahan hukum. Ia menyokong keperluan untuk merangka panduan fiqh yang bersifat inklusif dan menyeluruh bagi masyarakat Islam Orang Asli dan sekaligus dapat memperkukuhkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka tanpa mengabaikan identiti dan keunikan kebudayaan mereka.

THE FUNDAMENTAL CONCEPT OF TAYSIR IN ADDRESSING FIQH ISSUES OF THE ORANG ASLI MUSLIM COMMUNITY

Abstract

The Orang Asli community is a unique minority with diverse cultures, customs, and beliefs. The introduction of Islam did not significantly change their way of life. Religious practices among them are minimal, especially when compared to converted communities from other ethnicities. The fiqh approach presented to them is seen as

contributing to this issue. This is because the approach does not align with their reality and cultural background. Therefore, this study was conducted to explore the fundamental concept of taysir that can be used to address the fiqh issues faced by the Orang Asli Muslim community in Malaysia. The study adopts a fully literature-based approach by reviewing documentary analyses comprising traditional texts, journal articles, seminar papers, and so on. The study findings suggest that the taysir approach emphasizes convenience, simplicity, and flexibility in dealing with legal issues. It supports the need to develop inclusive and comprehensive fiqh guidelines for the Orang Asli Muslim community. This approach can strengthen Islamic teachings in their lives without disregarding their identity and cultural uniqueness.

Keywords: Indigenous People; Taysir; Islamic Law

PENGENALAN

Komuniti orang asli merupakan sebahagian kecil daripada populasi masyarakat di Malaysia. Mereka merupakan masyarakat minoriti iaitu berjumlah 178,197 yang mewakili kira-kira 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Di Semenanjung Malaysia, orang asli terdiri daripada 3 kelompok utama iaitu Negrito (Semang), Senoi dan Melayu Proto. Setiap kelompok utama ini mengandungi 6 sub kelompok di mana jumlah keseluruhannya ialah 18 suku orang asli (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016).

Setiap kumpulan etnik orang asli dibahagikan kepada kelompok suku yang bertebaran mendiami beberapa penempatan di kawasan pergunungan, perhutanan, kepulauan dan yang berdekatan dengan laut atau kuala sungai. Mereka merupakan kumpulan etnik heterogeneous dan setiap daripada kelompok ini berbeza antara satu dengan lain dari aspek kepercayaan, ekonomi, fizikal, bahasa dan organisasi sosial (Endicott, 1979). Pengelasan suku-suku ini dilakukan bagi memudahkan urusan pentadbiran. Senoi merupakan suku yang terbesar di kalangan mereka (55%) diikuti oleh Melayu Proto (42%) dan Negrito (3%). Masyarakat asli Negrito memiliki kulit hitam dan berambut keriting serta merupakan penghuni awal di Asia Tenggara dan menjalani kehidupan sebagai pemburu. Melayu Proto pula berkulit agak cerah sedikit, berambut lurus dan menjalankan aktiviti sebagai petani manakala suku Senoi mempunyai pelbagai warna kulit dan berambut ikal, hidup sebagai pemburu dan pedagang dan dianggap berasal dari campuran antara Negrito dan penduduk Asia Timur.

Gerakan pengislaman terhadap masyarakat orang asli telah bermula setelah pasca kemerdekaan namun tidaklah terlalu aktif kecuali di beberapa buah negeri seperti Johor, Perak dan Terengganu. Perubahan polisi kerajaan pada tahun 1980-an yang meletakkan dasar Islamisasi sebagai teras dalam pentadbiran negara telah mengorak langkah dalam aktiviti dakwah melalui agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di peringkat pusat serta Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di peringkat negeri. Peranan ini turut dimainkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang turut serta dalam menyebarkan Islam kepada masyarakat orang asli. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan perubahan beragama dalam masyarakat orang asli selepas tahun 1980-an (Toshihiro, 2007).

Jadual 1: Perubahan Beragama di Kalangan Masyarakat Orang Asli

Agama	1974	1980	1991	1997	2018	2021
Animisme	89%	86%	71%	77%	-	-
Islam	5%	5%	11%	16%	20%	25%
Kristian	3%	4%	5%	6%	-	-
Lain-lain	3%	4%	12%	2%	-	-

Sumber: Toshihiro Nobuta, 2007; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2018 dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021

Berdasarkan Jadual 1 di atas menunjukkan berlaku trend peningkatan bilangan pengislaman masyarakat orang asli. Data terkini menunjukkan bilangan orang asli yang beragama Islam seramai 45516 orang (25%) (Zalina, 2022). Menurut Fauzi (2017), terdapat beberapa faktor yang menjadi tarikan kepada masyarakat orang asli untuk memeluk Islam antaranya melalui pengkajian terhadap agama Islam, mendapat bantuan kewangan, perkahwinan, pengaruh daripada rakan Melayu dan minat terhadap Islam. Selain itu, alunan merdu ayat al-Quran yang dialunkan melalui pembesar suara di surau perkampungan mereka menjadi tarikan utama mereka tertarik dengan Islam. Walau bagaimanapun bilangan saudara baru orang asli yang keluar semula dari Islam juga kian bertambah. Ini berikutan bimbingan setelah pasca pengislaman mereka tidak diuruskan dengan baik. Tambahan pula gerakan mubaligh kristian lebih praktikal dan berjaya menawan hati penduduk orang asli (Nur Shafinaz, 2018).

Tidak dinafikan kedatangan Islam berjaya membawa perubahan dalam bentuk kuantiti dengan meningkatnya jumlah pengislaman namun dalam konteks kualiti sebagai seorang muslim agak ketinggalan jauh berbanding saudara baru dari kelompok etnik lain. Pengislaman masyarakat orang asli agak berbeza dengan pengislaman kaum lain. Kebiasaannya golongan bukan Islam (bukan orang asli) akan menerima Islam setelah melalui kajian, pemahaman dan keyakinan terhadap ajaran Islam. Ini menyebabkan pengamalan beragama mereka sangat mantap dan kukuh. Ini berbeza dengan orang asli yang menerima Islam berasaskan ajakan dan tawaran yang diberikan (Fauzi, 2017). Menurut Abdul Ghafar (2014), walaupun banyak program telah dilakukan sama ada oleh agensi kerajaan, NGO dan orang perseorangan namun tahap pemahaman dan penghayatan masyarakat orang asli dalam amalan beragama masih berada pada tahap yang rendah. Transformasi yang berlaku hanyalah aspek ketuhanan sahaja iaitu daripada kepercayaan animisme kepada menyembah Tuhan yang Esa namun dari sudut cara hidup masih lagi berpegang dengan adat dan tradisi turun temurun mereka (Jamilah, 2014).

Kehidupan orang asli yang telah memeluk Islam tidak sama keadaannya dengan kelompok masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu hidup dalam persekitaran yang mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh. Aspek ibadah, *taharah*, halal dan haram, pemakanan dan lain-lain yang berteraskan *fiqh* mazhab Shafi'i tidak menjadi masalah kepada mereka (Zohdi Amin, 2017). Namun begitu, sebagai kelompok masyarakat yang terasing dalam segenap aspek, pengamalan beragama mereka sama ada ibadah khusus atau ibadah umum perlu mengambil kira realiti dan amalan setempat. Pendekatan pengajaran yang dibawa oleh pendakwah dan guru agama ada kalanya tidak bersesuaian dengan mereka (Jamilah, 2014). Kesannya mereka mendapati ajaran Islam sukar untuk diamalkan bahkan membebankan mereka dan pada masa yang sama agama Islam menjadi tidak popular dalam kalangan masyarakat asli. Justeru itu, pendekatan yang terbaik adalah pendekatan yang memudahkan supaya Islam dilihat agama yang mudah dan tidak membebankan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan melakukan tinjauan terhadap analisis dokumentasi yang terdiri daripada kitab turath, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan lain-lain. Pencarian data tertumpu kepada bahan bercetak seperti buku, kitab, tesis, majalah serta perisian digital seperti al-Maktabah al-Syamilah versi 4.0, pengkalan data untuk mengakses artikel jurnal, e-book dan tesis seperti mana yang terdapat dalam online database, Ebooks, Institutional Repository, ejurnal, Research Repository dan sebagainya. Selain itu pencarian data juga turut melibatkan laman sesawang yang boleh dimuat turun secara percuma seperti Google Scholar (<https://scholar.google.com>), Academia.edu (<https://www.academia.edu>) dan Researchgate (<https://www.researchgate.net>). Maklumat yang diperolehi dianalisis secara manual dengan dibuat perbandingan dan persamaan.

DAPATAN KAJIAN

Pendekatan *Taysir*

Al-Taysir merupakan kata terbitan dari perkataan *yassara* yang membawa maksud lentur, lembut dan fleksibel (Ibrāhīm al-Madhkūr, 1972). Ia juga dikenali dengan *al-layn*, *al-inqiyad*, *al-birr*, *al-yasar*, *al-*

masirah. Antonim bagi perkataan *al-taysir* adalah *al-'usr* yang bermaksud susah atau sukar (Ibn Manzur, 2003).

Manakala *al-taysir* menurut istilah ialah pensyariatian hukum dengan cara menjaga keperluan dan kemampuan mukalaf dalam mematuhi perintah dan menjauhi larangan tanpa menjejaskan prinsip asas perundangan Islam (al-Mu'ati, 2007). *Taysir* juga diterjemahkan sebagai suatu amalan yang jiwa (*al-nafs*) tidak dilaksana secara bersungguh-sungguh dan tidak membebankan fizikal manakala *al-'usr* itu mendatangkan mudarat kepada fizikal dan pencapaian maksimum oleh jiwa seseorang (al-Hafnawi, 1991). *Taysir* memberi suasana yang kondusif kepada manusia dalam melakukan sesuatu amalan tanpa dibelenggu dengan kesusahan dan kepayahan serta tidak perlu mengerah usaha yang berlebih dari kemampuan yang dimilikinya. Ia juga merupakan keringanan, menghilangkan kesusahan dan kepayahan, tidak membebankan diri selari dengan Islam sebagai agama yang mudah dan tidak sukar. Prinsip *taysir* ini banyak disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah, di antaranya: Firman Allah SWT:

Terjemahan: “(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”

(Al-Baqarah 2: 185)

Terjemahan: “Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah”

(Al-Nisa' 4: 28)

Terjemahan: “Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan”

(Al-Hajj 22:78)

Prinsip ini juga merupakan suruhan Nabi SAW seperti dalam hadis di bawah:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا ، وَبَشِّرُوا ، وَلَا تُنْفِرُوا

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik, daripada Nabi SAW, Rasulullah SAW berkata: Permudahkanlah oleh kamu dan janganlah menyusahkan, dan berilah berita yang mengembirakan dan janganlah kamu menyebabkan orang lari (kerana sikap keras dan berita menakutkan)

(Şahih al-Bukhari, no. hadis 69)

عن عائشة رضي الله عنها أنها قالت: ما حُرِّرَ رسول الله صلى الله عليه وسلم بين أمرين إلا أخذ أيسرهما، ما لم يكن إثماً، فإن كان إثماً كان أبعد الناس منه

Terjemahan: Daripada 'Aisyah RA, dia berkata: “Tidaklah Rasulullah SAW apabila diberi dua pilihan kecuali Baginda akan memilih yang lebih mudah di antara keduanya selama mana ia tidak berdosa. Jika ia mengandung dosa, maka Baginda SAW orang pertama yang paling menjauhinya.

(Şahih al-Bukhari, no. hadis 3560)

Ibn 'Abd al-Birr mengulas, hadis ini menunjukkan seseorang itu perlu meninggalkan perkara yang mendatangkan kesukaran sama ada perkara dunia atau akhirat. Ia juga menuntut kepada komitmen dalam meninggalkan pada perkara yang sukar apabila keadaan tidak terpaksa dan senantiasa memilih kepada kesenangan. Ini kerana kemudahcaraan dalam sesuatu urusan sangat disukai oleh Allah dan Rasulullah (al-Maghrawi, 1996).

Selain itu dapat juga difahami bahawa *taysir* bukan sahaja mengeluarkan seseorang mukalaf daripada kepayahan kepada kesenangan tetapi turut memberi keluasaan kepada mukalaf dalam melaksanakan perintah dan menjauhi sesuatu larangan. Oleh yang demikian, seseorang dituntut untuk mengambil kemudahan yang diberikan oleh Allah SWT, Nabi Muhammad SAW dan para ulama selama mana tidak menyalahi nas syarak yang jelas. Yahya bin Salam menegaskan orang yang berilmu hendaklah sentiasa mendorong manusia ke jalan kemudahan dan keluasaan selagi mana tidak dibimbangi mendatangkan dosa (Zaynuddin, t.t.).

Taysir dibolehkan dalam hukum yang ada padanya *nas zanni* sama ada dalam riwayat (ظني الثبوت) dan petunjuk (ظني الدلالة) atau salah satu daripadanya. Ia juga boleh diaplikasi dalam hukum yang tidak ada *nas qat'i* dan tidak berlaku *ijma'* padanya. Hukum seperti dalam perbincangan *qiyas*, *maslahah* dan '*uruf* menjadi medan *taysir* dan menghilangkan kesulitan dengan memenuhi beberapa ketentuan seperti (Hudhayfah Ahmad, 2015); a) *Taysir* hendaklah dibina berdasarkan dalil syarak, b) *Taysir* tersebut mengambil kira realiti masa dan zaman, c) *Taysir* tersebut mengambil kira realiti tempat, d) *Taysir* tersebut mengambil kira '*uruf* masyarakat, e) *Taysir* tersebut mengambil kira *maslahah mu'tabarah*, f) *Taysir* tersebut tidak membawa kepada *talfiq* yang dilarang, g) *Taysir* tersebut tidak membawa kepada mengambil pendapat yang pelik atau ganjil, h) *Taysir* tersebut meraikan keadaan *mukalaf* iaitu kesukaran pada siapa yang memerlukannya, i) *Taysir* tersebut tidak mengikut hawa nafsu dan j) Keuzuran yang membolehkan rukhsah mestilah berada pada tahap yakin dan bukannya *zan* (al-Sa'd, 2013).

Bagi menterjemahkan lagi konsep *taysir* ini, para fuqaha telah meletakkan kaedah asas sebagai bentuk kemudahan dan menolak kesulitan yang dihadapi oleh mukalaf apabila mereka berhadapan dengan kepayahan dan kesukaran dalam melaksanakan tuntutan agama. Kaedah tersebut ialah *al-mashaqqah tajlib al-taysir* (al-Suyuti, 1983). Kaedah ini menyatakan sebarang *mashaqqah* yang diakui *mu'tabar* menjadi sebab *shar'i* untuk mendapatkan kemudahan. Kesulitan dihilangkan dengan adanya nas syarak dan sekaligus menghalang mukalaf daripada melakukan perkara tersebut. Kaedah ini mempunyai maksud yang hampir sama dengan kaedah *Idha Daq al-Amr Ittasa'* (إذا ضاق الأمر اتسع) yang bermaksud: Jika sesuatu perkara itu sempit, hukumnya menjadi luas.

Keadaan dan *waqi'* masyarakat orang asli membolehkan hukum Islam menjadi lebih fleksibel. Ia dibincangkan oleh para fuqaha melalui medium rukhsah dan *taysir*, antaranya:

1) Darurat (*al-darurah*). Penempatan masyarakat orang asli berselerakkan di kawasan pedalaman dan jauh daripada penempatan bandar. Kelangsungan kehidupan mereka adalah dari hasil hutan bagi memenuhi keperluan asasi mereka seperti makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Justeru dalam keadaan tersebut pendekatan darurat boleh dipertimbangkan oleh syarak terutamanya dalam aspek pemakanan.

2) Kesulitan (*al-Mashaqqah*). Keadaan isolasi juga boleh membawa kepada kesulitan dalam mengamalkan ajaran Islam. Ini berikutan orang asli tidak dapat memahami ajaran Islam yang sebenar dan menganggap bahawa Islam itu agama yang menyukarkan. Tanggapan ini menyebabkan orang asli tidak berminat dengan Islam dan mereka yang telah memeluk Islam pula tidak mempraktikkan Islam dalam kehidupan mereka (Che Nur Hasanah, 2018). Ini merupakan salah tanggapan mengenai Islam kerana Islam adalah agama yang mudah dan meraikan keadaan *mashaqqah* manusia dengan adanya jalan keluar yang disebut sebagai rukhsah. Dengan kata lain, *mashaqqah* merupakan sebab bagi mukalaf untuk mendapatkan kemudahan dan keringanan dalam melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan Allah SWT.

3) Paksaan (*Ikrah*). Terdapat hampir 38% perkampungan orang asli terletak di kawasan pedalaman (Muhammad Yusuf Marlon, 2017). Ini beerti mereka terdedah dengan ancaman yang boleh menggugat agama, nyawa, maruah dan harta benda. Kehidupan terasing ini menyebabkan kebarangkalian mereka dipaksa atau terpaksa melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan mafsadah kepada pegangan agama mahu pun nyawa. Keadaan 'Paksaan' (*ikrah*) ini dibincangkan secara mendalam dalam perbincangan *usul fiqh* dilihat dari aspek sejauh mana ianya boleh dilakukan atau tidak dan batasannya.

4) Jahil (*al-Jahl*). Kadar buta huruf di kalangan orang asli sangat tinggi berbanding dengan etnik lain. Kebanyakan anak-anak orang asli gagal menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) dan majoriti daripada mereka keciciran dalam pembelajaran sama ada di peringkat sekolah rendah apatah lagi di peringkat sekolah menengah (Mohamad Johdi, 2009). Hal ini merupakan faktor utama isolasi masyarakat orang asli kerana tanpa ilmu pengetahuan mereka akan ketinggalan dalam segenap aspek. Lantaran itu tidak menghairankan penguasaan ilmu fardu ain di kalangan masyarakat orang asli sangat lemah (Jamilah Mohd Zain, 2014; Zulkefli Aini, 2018). Selain itu kediaman mereka terasing jauh daripada kawasan penyuburan ilmu seperti di bandar menyebabkan budaya ilmu tidak wujud di sisi mereka. Sudah pasti keadaan ini diambil kira oleh Islam dalam menterjemahkan gaya *fiqh* yang sesuai bagi mereka atas faktor *al-jahl*. Akan tetapi perbicaraan *al-jahl* ini perlu difahami dengan mendalam supaya ianya tidak disalah guna oleh mereka yang mengambil mudah dalam persoalan agama.

Hukum syarak yang terdapat dalam al-Quran, al-Sunnah dan ijma' tidak boleh diabaikan atas alasan kejahilan. Ianya tidak boleh diterima sebagai suatu kezuran terutama kepada mereka yang tinggal di negara Islam. Kezuran bagi orang yang jahil ini bergantung kepada kekurangan yang ada pada manusia, bergantung pada keadaan manusia dari aspek ilmu dan kefahamannya dan bergantung juga kepada zaman dan tempat yang berbeza-beza. Orang yang tinggal di tempat yang ilmu tersebar dengan luas tidak sama kesannya dengan orang yang mendiami kawasan yang tidak diwarnai dengan budaya keilmuan. Faktor ini menjadi asas penilaian sama ada diberi rukhsah atau pun tidak (Usamah al-Sallabi, t.t.).

5) 'Umum al-Balwa. Perkampungan orang asli dikelilingi oleh hutan belantara yang sudah pasti didiami juga oleh pelbagai spesis hidupan darat sama ada binatang liar atau binatang ternakan. Lazimnya anjing merupakan binatang peliharaan mereka yang sering berkeliaran di pelusuk perkampungan orang asli bahkan boleh dikatakan setiap rumah orang asli pasti ada lebih dari sekor anjing yang berada di situ. Anjing ini bukan sahaja berkeliaran di luar rumah bahkan turut berada di rumah rumah seperti binatang perliharaan (Abdurahman Abdullah, 2018). Realitinya seisi rumah keluarga orang asli dihuni oleh pelbagai anutan agama seperti kepercayaan animisme, agama Islam, agama Kristian, agama Bahai dan sebagainya (Tarmiji, 2013). Isu di sini adalah berkaitan dengan *taharah* di mana ibadah dalam Islam perlu memastikan pakaian, tubuh badan dan tempat bersih dari sebarang najis sama ada najis 'ayni atau *hukmi*. Bagi ahli keluarga orang asli yang muslim perkara ini kadang kalanya sukar untuk dielakkan terutama bulu anjing, najis yang tidak dibersihkan (najis *hukmi*) termasuk najis *mughallazah* yang tidak dibersihkan dengan cara yang betul, bekas makanan dan minuman yang bercampur dengan masakan daging babi dan sebagainya. Di sini terdapat perbincangan para fuqaha mengenai perbahasan 'umum al-balwa yang merujuk kepada najis yang sukar dielakkan, adakah mendapat rukhsah atau tidak.

Perbahasan 'umum al-balwa dalam perbendaharaan *fiqh* berkisar najis yang dimaafkan oleh syarak. Lazimnya dikaitkan dengan elemen sukar dielakkan, sukar diasingkan, sukar dilihat dan sukar dikawal yang membawa kepada keadaan *mashaqqah* dan seterusnya mendapat rukhsah. Al-Zuhayli mendefinisikan 'umum al-balwa sebagai sesuatu kesulitan (*bala'*) itu tersebar secara meluas sehinggakan sukar bagi seseorang untuk membebaskan diri atau menghindarkan diri daripadanya (Al-Zuhayli, 1985). Sebahagian fuqaha menganggap ianya sebagai darurat am (*al-darurah al-'ammah*) manakala sebahagian lagi sebagai keperluan mendesak (*al-darurah al-massah*). Ianya merupakan satu kelonggaran apabila berhadapan dengan sesuatu yang sukar untuk dielakkan dan sekiranya kita cuba juga untuk melepaskan diri dari keadaan tersebut ia akan membawa kepada suatu bebanan yang luar biasa (al-Dawsari, 2000).

6) Perihal Individu. Setiap mukalaf tidak sama keadaan mereka antara satu sama lain. Ada yang kuat dan ada yang lemah. Ada yang kaya dan yang miskin. Ada yang berilmu dan ada yang jahil. Ada yang telah lama Islam dan ada yang baru menganut Islam. Begitulah juga dengan perihal keadaan masyarakat orang asli. Kebanyakan mereka miskin, lemah, ketinggalan dalam pembelajaran, tiada bimbingan agama secara berterusan, hidup dalam kemudahan yang terbatas, dikelilingi oleh majoriti masyarakat asli *non-muslim* dan sebagainya. Al-Quran dan hadis banyak menjelaskan perihal keadaan seseorang mendapat pertimbangan *taysir* dari Allah SWT. Ini dapat dilihat sepertimana firman Allah SWT:

Terjemahan: “Orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit, dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan RasulNya. Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya; dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”

(Al-Taubah 9:91)

Ayat di atas menunjukkan tiga perihal keadaan individu yang mendapat kemudahan dari Allah SWT iaitu; Pertama: Keadaan lemah pada fizikal badan dan penglihatan; Kedua: Keadaan sakit termasuklah segala bentuk kesakitan; Ketiga: Keadaan mereka yang tidak memiliki perbelanjaan lebihan dan binatang tunggangan dalam safar. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk turut serta berjihad di jalan Allah SWT dan dianggap tidak berdosa (al-Kindiy, 2008). Ini merupakan *taysir* yang Allah SWT berikan yang dilihat dari aspek keadaan seseorang itu. Begitu juga dalam hadis Nabi SAW perihal seorang sahabat iaitu ‘Imran bin Hussain RA yang mengidap sakit buasir dan bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai solat. Baginda SAW menjawab:

صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Terjemahan: “Bersolatlah dalam keadaan berdiri, sekiranya tidak mampu lakukan secara duduk dan sekiranya tidak mampu juga solatlah secara mengiring”

(Saḥiḥ al-Bukhari, no. hadis 1117)

Hadis ini menunjukkan syarak meraikan keadaan seseorang dalam memberikan fatwa kepadanya. Ini menunjukkan Islam menggunakan pendekatan *taysir* dalam berinteraksi dengan perihal keadaan seseorang. Justeru itu, keadaan masyarakat orang asli juga boleh diberi ruang *taysir* supaya keindahan Islam dapat dirasakan oleh mereka.

PENUTUP

Sosiobudaya masyarakat orang asli adalah penting untuk difahami dengan sebenar-benarnya. Ketidaktahuan mengenainya akan menyebabkan Islam yang disampaikan kepada mereka disalah erti. Ajaran Islam dirasakan sukar untuk diamalkan, banyak pantang larang, banyak praktik dalam ibadah membebankan dan sebagainya. Lantaran itu tidak menghairankan pengamalan Islam khususnya amalan fardu ain sangat lemah dalam kalangan mereka meskipun sudah lama memeluk agama Islam. Pendekatan *taysir* dilihat sebagai mekanisme terbaik dalam berinteraksi dengan isu-isu fiqh yang dihadapi oleh mereka. Khazanah perbendaharaan *fiqh* yang ditinggalkan oleh ulama silam boleh menjadi rujukan supaya pandangan yang dipilih menepati *waqi'* masyarakat Islam orang asli.

RUJUKAN

- ‘Abdul Razzaq bin Salih bin Ghalib al-Kindiy. (2008). *Al-Taysir Fi Al-Fatwa*. Muassasah al-Risalah.
- ‘Abdullah bin ‘Abdul Rahman al-Sa’d. (2013). *Al-Taysir Baina Al-Mashru’ Wa Al-Mamnu’*. Dar al-Muhaddith.
- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2018). Konsep Komitmen Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM. *At-Tahkim* 8(4),
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī. (1422H). *Ṣaḥiḥ al-Bukhari* (Jil. 1). Dar Tuq al-Najah.
- Ahmad Fauzi Shahar et al. (1-2 Ogos 2017). Faktor tarikan masyarakat orang asli memeluk Islam di Selangor [Kertas kerja pembentangan]. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat kali ke-3 (IRSYAD2017), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.

-
- Che Nur Hasanah Che Hussian, Mariam Abd. Majid dan Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2018). Persepsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam Di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 1-14.
- Hudhayfah Ahmad 'Akash. (2015). *Dawabid al-Taysir fi al-Fatawa*. t.p.
- Ibrāhīm al-Madhkūr. (1972). *al-Mu'jam al-Waṣit* (Jil. 2). Dār al-Ḥadīth.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Imbasan Emas*. Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti. (1983). *Al-Ashbah Wa Nazair*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jamilah Mohd Zain dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (6 Mei 2014). *Aktiviti Dakwah JAKIM Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabaran*. [Kertas kerja pembentangan]. Prosiding Bicara Dakwah kali ke 15: Pengurusan Dakwah Kontemporari, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Kamal Jawdah Abu al-Mu'ati. (2007). *Mazahir al-Taysir fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Faruq.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (1 September 2018). *Penduduk orang asli mengikut agama*. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/penduduk-orang-asli-mengikut-agama-mac-2018/resource/f346c360-2dd2-4698-9e49-87187554febf#
- Kirk Michael Endicott. (1979). *The Impact of Economic Modernization on the Orang Asli of Northern Peninsular Malaysia in Issues in Malaysia Development* (Jackson. C. James and Rudner. Martin, Ed.). Heinemann Educational Books.
- Mansur Muhammad Mansur al-Hafnawi. (1991). *Al-Taysir Fi Al-Tashri' Al-Islami*. Matba'ah al-Amanah.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciciran pelajar orang asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198.
- Mohamad Johdi Salleh & Abdul Razaq Ahmad. (2009). Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli, dalam Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan Dan Sosiobudaya. (Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, Ed.). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh et al. (3-5 Februari 2009). *Kajian terhadap kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat orang asli* [Kertas kerja pembentangan]. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009, Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh et al. (3-5 Februari 2009). *Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli* [Kertas kerja pembentangan]. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009, Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
- Muhammad bin Abdul Rahman al-Maghrawi. (1996). *Fath al-Barr fi al-Tartib al-Fiqhi* (Jil. 10). Majmu'ah al-Tahaf al-Nafais al-Dawliyyah.
- Muhammad bin Mukrim bin 'Ali, Jamal al-Din Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-'Arab* (Jil. 15). Dar Sadir.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al. (4-5 December 2017). *Kecekapan pengurusan surau orang asli di Selangor dari aspek kewangan* [Kertas kerja pembentangan]. The 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017), Bangi, Selangor, Malaysia.
- Muslim bin Muhammad bin Majid al-Dawsari (2000). *'Umum Al-Balwa*. Maktabah al-Rushd.
- Nur Shafinaz Sabri & Zulkefli Aini. (2018). Gerakan kristianisasi dalam kalangan masyarakat orang asli di Malaysia. *At-Tahkim*, 8(5), 1-7.
-

- Tarmiji Masron, Fujimaki Masami & Norhasimah Ismail. (2013). Orang asli in Peninsular Malaysia : Population, spatial distribution and socio-economic condition. *Ritsumeikan Journal of Social Sciences and Humanities* 6, 75–115.
- Toshihiro Nobuta. (2007). Islamization Policy toward the Orang Asli in Malaysia. *Bulletin of the National Museum of Ethnology*, 31(4), 486-487.
- Usamah Muhammad al-Sallabi. (t.t.). *Al-Rukhas Al-Shar'iyah*. Dar al-Iman.
- Wahbah Al-Zuhayli. (1985). *Nazariyyah Al-Darurah Al-Shar'iyah*. Muassasah al-Risalah.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. (1994). *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (Jld. 31). Dar al-Safwah.
- Zaynuddin Abi al-Fadhl Abdul Rahim bin al-Husin al-Iraqi. (t.t.). *Tarh al-Tathrib fi Sharh al-Taqrib* (Jil. 7). Muassasah al-Tarikh al-'Arabi.
- Zohdi Amin MZM. (2017). Taysir Method of Teaching Halal and Haram to Indigenous People (Orang Asli) in Malaysia- A Preliminary Study. *American Scientific Publishers*, 23(5), 5000-5003.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha' Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018). Pengamalan Bentuk Komunikasi Pemujukan dalam Kalangan Pendakwah Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 11, 63-79.